



TAMAN Negara Tanjung Piai mungkin lenyap dalam peta dunia dalam masa 10 tahun lagi jika masalah hakisan dan pencemaran tidak ditangani dengan sempurna.



OMBAK kuat menyebabkan masalah hakisan di Tanjung Piai. Pontian berlaku secara berleluasa.



MASALAH pencemaran minyak telah menyebabkan banyak pokok bakau di Tanjung Piai mati.

Banyak pokok bakau mati, masalah hakisan semakin meruncing

Tanjung Piai mungkin lenyap

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID
mazlina.majid@kosmo.com.my

PONTIAN – Taman Negara Tanjung Piai di sini yang disenaraikan sebagai Tapak Ramsar iaitu Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa mungkin hanya tinggal pada nama sahaja dalam tempoh kurang 10 tahun lagi.

Eksklusif



La berikutan kerakusan manusia termasuk faktor alam semula jadi seperti hakisan teruk menjadi sebab untuk taman yang diliputi kira-kira 325 hektar kawasan bakau dan 400 hektar dataran berlumpur itu lenyap dalam peta dunia.

Pengurus Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), Khalid Zahrom (**gambar kecil**) berkata, Taman Negara Tanjung Piai yang berkeluasan 926 hektar berdepan dengan empat kemelut utama iaitu habuk kayu yang dibawa oleh kapal-kapal yang melalui perairan, tumpahan minyak, sampah sarap dan masalah hakisan yang semakin meruncing.

"Ekoran masalah itu, taman ini mungkin akan ditelan laut pada tahun 2022 sekiranya masalah-masalah tersebut tidak diatasi dengan segera.

"Kesan daripada aktiviti mencuci kapal, habuk kayu yang digunakan sebagai pencuci



merebak ke pesisir pantai dan akibatnya, 7,000 batang pokok bakau yang ditanam di kawasan sebelah Selat Melaka mati dan kajian dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia mengesahkan bahawa lima hektar tanah di sini berasid," jelasnya.

Lebih teruk, kini kawasan berkenaan ditutup kepada orang ramai.

Dalam pada itu, lebih daripada 300 buah kapal yang melalui dan berlabuh di perairan itu telah mendatangkan semakin banyak musibah kepada taman tersebut dan ia bermula dengan pelanggaran dua buah kapal pada

1997 yang mengakibatkan tumpahan minyak.

Pada September 2003 dan September 2011, tumpahan minyak dari sumber yang diketahui dikatakan merebak di sepanjang pesisir hutan bakau Tanjung Piai.

Paling kritikal, pada 27 Jun lalu apabila aktiviti pemindahan minyak dari kapal ke kapal telah mengakibatkan ikon - pelancongan Johor itu ditutup kepada orang ramai untuk sementara waktu.

Menurut Khalid, taman yang menjadi 'kediaman' lebih 30 spesies tumbuhan bakau itu turut menjadi lokasi pembuangan sampah sarap daripada kapal-kapal berkenaan.

"Semasa kita membuat kerja pembersihan, kita ada jumpa sampah seperti tong ikan, tayar, kayu balak, peti sejuk dan macam-macam lagi bukan saja dari Indonesia dan Singapura, malah ada dari Jerman dan Arab Saudi," ceritanya.

Tambahnya, setiap kali kerja pembersihan dilakukan, pihaknya akan mengumpul antara 200 hingga 300 kilogram sampah.

Selain itu, katanya, masalah hakisan akibat ombak besar hasil pergerakan kapal dan fenomena air pasang juga semakin tenat.

"Jika dulu hakisan hanya 10 meter (m) lebar, kini mencecah 13m dan telah memakan kira-kira tiga kilometer tepian pantai bakau di sini," katanya sambil menambah projek

INFO Tanjung Piai

- Terletak dalam mukim Kukup, daerah Pontian, Johor
- Berkeluasan 926 hektar dengan kawasan pantai sepanjang lapan kilometer yang menghadap Selat Melaka
- Diisytiharkan sebagai tapak Ramsar pada 31 Januari 2003
- Hutan simpan ke-1,289 dalam senarai Ramsar
- Bahagian paling hujung di selatan benua Asia
- Merupakan pusat ekopelancongan negara
- Menempatkan 20 spesies tumbuhan bakau sebenar serta dan sembilan spesies bakau berkaitan
- Menempatkan mercu tanda daratan penghujung iaitu glob dunia yang dibina atas sebuah pelantar menghadap Selat Melaka

Sumber: Majlis Daerah Pontian Johor

geo-tube gagal membantu menghalang hakisan.

Kesan daripada itu, jambatan yang dibina runtuh dan menara tinjau yang terletak berhadapan glob mercu tanda bagi menandakan 'penghujung terselatan tanah besar Asia' terpaksa dirobohkan.

Nelayan jadi mangsa tumpahan minyak

PONTIAN – Kira-kira 400 orang nelayan yang turun ke laut terpaksa berputih mata dan tidak akan mendapat apa-apa hasil setiap kali Tanjung Piai dilanda masalah pencemaran yang tidak terduga.

Penasihat Pakatan Nelayan Tanjung Piai, Ruhaizad Abdul Hamid (gambar) memberitahu, paling merusunkan mereka jika berlaku tumpahan minyak.

"Kejadian tumpahan minyak baru-baru ini paling teruk dan paling membebankan para nelayan.

"Kami tak boleh turun ke laut dalam jangka masa dua minggu dan hal ini menyebabkan kami hilang punca pendapatan," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Ruhaizad yang juga merupakan Ketua Kampung Tanjung Piai berkata, hampir 70 peratus penduduk daerah ini iaitu dari Chokoh hingga ke Sungai Durian menyara hidup dengan bekerja mencari rezeki di laut sementara bakinya ialah pekebun.

Dia turut meluahkan kekesalan

kerana setiap kali ancaman seumpama itu berlaku, banyak pihak yang lepas tangan.

"Masalah yang nelayan hadapi tiada siapa yang ambil peduli, itu yang menyedihkan kami," dakwanya.

Seorang nelayan, **Khairudin Abdul Hamid**, 36, memberitahu, meskipun berlaku tumpahan minyak, dia terpaksa juga turun ke laut.

"Nak buat macam mana, kita ni nelayan, kalau tak turun ke laut, tiada wang, tak kan nak termenung kat rumah saja," katanya yang ter-

paksa bergerak ke tengah laut bagi mengelak kawasan tumpahan minyak.

Bagaimanapun, katanya, nelayan yang sanggup bertindak demikian terpaksa berdepan dengan risiko jaring rosak.

"Apa yang kami harapkan ialah pihak berkuasa sentiasa membuat pemantauan di sepanjang perairan ini.

"Kami tidak mahu kerana kesalahannya orang lain, kami yang terpaksa tanggung akibat," keluhnya.